

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO

TARIKH: 16 OGOS 2019

MUKA SURAT:2

Tekanan berpanjangan turut menjadi punca kematian Nora Anne

Usus bocor akibat tidak makan

Oleh ZULKIFLI MANZOR

SEREMBAN - Tanda tanya mengenai punca kematian remaja Ireland, Nora Anne Quoirin terungki apabila polis mengesahkan usus gadis istimewa tersebut bocor kerana tidak menjamah makanan untuk tempoh yang panjang.

Selain itu, polis turut mengesahkan tekanan berpanjangan yang dialami Nora Anne, 15, juga antara penyebab kematian remaja berkenaan.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop bagaimanapun berkata, beberapa sampel pada tubuh Nora Anne telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa bagi mengetahui lebih lanjut hasil autopsi tersebut.

"Berdasarkan bedah siasat Nora Anne didapati telah meninggal dunia antara dua hingga tiga hari lalu. Terdapat calar dan luka kecil pada kaki, tetapi itu tidak boleh menyebabkan kematiannya," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan di sini semalam.

Mayat Nora Anne ditemui pada pukul 1.57 petang Selasa lalu oleh sekumpulan pendaki yang menyertai operasi mencari dan menyelamat di sebuah kawasan hutan kira-kira 2.5 kilometer dari resort dia dilaporkan hilang.

Proses bedah siasat mayat Nora Anne mengambil masa



GAMBAR kenangan Nora Anne (kanan) dan ibunya, Maebh Jaseprine.

lebih 10 jam bermula 11.45 pagi kelmarin diketuai pakar patologi daripada Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, dibantu pakar daripada Jabatan Kimia, dan Jabatan Forensik Petaling Jaya.

Jasad Nora Anne ditemui pada hari ke-10 operasi besar-besaran yang disertai seramai 348 anggota keselamatan terdiri daripada polis, bomba, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Perhutanan negeri serta penduduk termasuk Orang Asli.

Gadis menghidap masalah pembelajaran itu dilaporkan hilang dari Resort The Dusun Pantai Hill di sini pada 4 Ogos lalu semasa sedang bercuti bersama ibu, Maebh Jaseprine Quoirin, 46, dan bapa, Sebastian Marie Philipe, 47, serta dua adiknya.



INILAH rumah di dalam Resort The Dusun Pantai Hill, Seremban tempat Nora Anne dan keluarganya dari Ireland menginap ketika bercuti di Malaysia.



WAKIL media tempatan dan luar negara berkampung di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban untuk mengikuti sidang akhbar polis yang memberikan perkembangan siasatan Kes kematian Nora Anne dari semasa ke semasa.

Semasa kejadian, mangsa tidur dalam bilik bersama Innes Julia, 12, dan Maurice Arthure, 8, sebelum adiknya mendapati gadis tersebut sudah tiada kira-kira pukul 8 pagi.

Mangsa bersama ahli keluarganya tiba di resort berkenaan pada pukul 7 pagi 3 Ogos lalu.

Apa yang menimpa remaja anak istimewa itu, yang bapanya dari Perancis dan ibu-

nya dari Ireland, telah menyentuh hati bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi juga mereka di luar negara.

Kes itu juga menarik perhatian Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunjku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang merakamkan dukacita atas kematian Nora Anne.

INFO Kronologi kehilangan Nora Anne



3 Ogos - Nora Anne Quoirin tiba di Resort The Dusun Pantai Hill bersama keluarganya untuk bercuti

4 Ogos - Mangsa disedari hilang selepas didapati tiada di biliknya pada pukul 8 pagi

5 Ogos - Polis menafikan Nora Anne diculik dan mengklasifikasikan kes sebagai orang hilang

7 Ogos - Pasukan operasi menggunakan rekaman suara ibu mangsa, Maebh Jaseprine Quoirin bagi mengesan Nora Anne

12 Ogos - Keluarga mangsa menawarkan ganjaran RM50,000

13 Ogos - Mayat Nora Anne ditemui di kawasan lurah berhampiran Gunung Berembun oleh sekumpulan pendaki

14 Ogos - Pakar patologi ambil masa lebih 10 jam lakukan bedah siasat ke atas mayat Nora Anne

15 Ogos - Polis mendedahkan punca kematian Nora Anne disebabkan usus bocor kerana tidak makan dalam tempoh yang panjang



MOHAMAD

Keluarga belum tuntutan mayat

SEREMBAN - Keluarga Nora Anne Quoirin masih belum menuntut mayat remaja Ireland berkenaan yang kini berada di Jabatan Forensik Hospital Tuanku Ja'afar setakat pukul 10 malam tadi selepas menjalani proses bedah siasat.

Terdahulu, dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan, Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop, memaklumkan keluarga dibenarkan menuntut mayat remaja berusia 15 tahun itu pada bila-bila masa.

Namun, setakat malam tadi keluarga masih belum membuat sebarang persiapan ke arah itu.

Remaja lembam Ireland tiada tanda dirogol

SEREMBAN - Polis menolak spekulasi mengatakan remaja Ireland, Nora Anne Quoirin dilarikan, diculik dan dirogol seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop berkata, segala dakwaan itu disangkal selepas laporan bedah siasat mendapati tiada kesan jenayah sama ada dirogol atau diculik pada badan remaja istimewa itu.

"Tiada kesan dirogol dan tiada kesan (perbuatan) jenayah. Hanya ada calar kecil pada kaki yang tidak menjurus kepada punca kematian," katanya.

Spekulasi Nora Anne dirogol tercurus apabila mayat remaja itu ditemui tanpa berpakaian.

Ditanya berhubung tindakan penguna Twitter yang memuat naik ciapan mendakwa remaja Ireland itu dirogol Orang Asli, beliau berkata, pihaknya sudah menerima laporan dan akan menge-



POLIS sedang mencari pemilik akaun Twitter yang menggunakan nama zikri armstrong kerana mendakwa Nora Anne dirogol oleh Orang Asli.

san pemilik akaun laman sosial itu dengan segera.

Sementara itu, berhubung laporan mengenai polis Perancis telah membuka kes siasatan terhadap kes Nora Anne se-

bagai kes culik, Mohamad berkata beliau tidak mengetahui perkara itu.

Namun beliau berkata, polis Perancis, Ireland dan England sememangnya membantu polis Malaysia dalam siasatan kes itu.

Info Solat	16 OGOS 2019					
	SABTU	SYUKR	ZUHAR	ISAN	MAGHRIB	ISYAR
K. LUMPUR	5:53	7:10	1:20	4:37	7:26	8:38
SHAH ALAM	5:53	7:10	1:20	4:37	7:26	8:38
SEREMBAN	5:52	7:11	1:19	4:36	7:24	8:35
MELAKA	5:52	7:10	1:18	4:35	7:23	8:34
JOHOR BAHRU	5:46	7:05	1:12	4:29	7:16	8:27
IPOH	5:55	7:10	1:23	4:38	7:30	8:41
P. PINANG	5:56	7:13	1:25	4:40	7:33	8:44
ALOR SETAR	5:54	7:12	1:25	4:39	7:34	8:45
K. TERENGGANU	5:45	7:03	1:14	4:29	7:22	8:33
KOTA BHARU	5:52	7:07	1:18	4:32	7:26	8:34
KUANTAN	5:48	7:06	1:15	4:32	7:20	8:31
KANGAR	5:54	7:14	1:26	4:39	7:34	8:46
TAWAU	4:48	6:06	1:16	3:32	6:23	7:34
KOTA KINABALU	4:52	6:11	1:22	3:37	6:30	7:42
KUCHING	5:21	6:40	1:24	4:04	6:51	8:02
MIRI	5:03	6:22	1:23	3:47	6:37	7:48

*Kawasan Kawasan seawaktu dengannya